



PEMBERITAHUAN

**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172), SUBSEKSYEN 13 (2)
PEMERIKSAAN DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS SEKSYEN 13 PETALING
JAYA (PENGUBAHAN 1)**

DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS SEKSYEN 13 PETALING JAYA (PENGUBAHAN 1)

Menurut Subseksyen 13 (2), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dengan ini adalah diberitahu bahawa salinan Draf Rancangan Kawasan Khas bagi kawasan tersebut di atas boleh didapati untuk pemeriksaan awam mulai **28hb April 2023 hingga 29hb Mei 2023** pada waktu pejabat di Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya.

Adalah diberitahu satu pameran awam akan diadakan di Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada **28hb April 2023 hingga 29hb Mei 2023** pada waktu pejabat di antara jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang.

Mana-mana bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan Draf Rancangan Kawasan Khas itu bolehlah dikemukakan pada atau sebelum **29hb Mei 2023** kepada pejabat:

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN
46675 PETALING JAYA**

Mana-mana bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan Draf Rancangan Kawasan Khas itu yang dihantar dan sampai di alamat seperti di atas selepas **29hb Mei 2023** tidak akan dipertimbangkan.